

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 6

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) yang memberi kuasa mutlak kepada semua pihak berkuasa melakukan siasatan mengikut AMLA dan apakah justifikasi AMLA digunakan untk menyiasat kes yang bersangkutan-paut dengan kutipan cukai pendapatan dan kastam yang menjadi kontroversi dalam kalangan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFA) telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2014 dan telah berkuat kuasa pada 1 September 2014. Matlamat pindaan tersebut antara lain adalah untuk memperkukuh langkah-langkah penguatkuasaan dan kuasa penyiasatan agensi penguat kuasa serta meningkatkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh semua agensi terlibat ke atas hasil dan perolehan kesalahan berat di bawah akta-akta yang berkaitan.

2. Kesalahan berat yang disenaraikan dalam Jadual Kedua AMLATFA sentiasa diteliti dan disemak serta ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan dan trend kegiatan jenayah yang berlaku. Setakat ini, terdapat 416 kesalahan berat daripada 49 akta yang telah disenaraikan di bawah jadual tersebut.

3. Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk memastikan peruntukan-peruntukan di bawah AMLATFA selaras dengan piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan agensi penguat kuasa pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan cukai pendapatan dan perkastaman adalah termasuk dalam 21 kategori kesalahan berat yang disenaraikan oleh Financial Action Task Force (FATF), iaitu sebuah badan antarabangsa yang menetapkan piawaian untuk langkah-langkah pencegahan jenayah pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

SOALAN NO : 6

5. Selaras dengan piawaian antarabangsa, kesalahan-kesalahan tersebut telah dimasukkan ke dalam senarai kesalahan berat di bawah Jadual Kedua AMLATFA, bagi membolehkan agensi penguat kuasa menyiasat kes-kes tersebut. Kes-kes pengelakan duit dan cukai yang berat dan serius akan diberikan keutamaan.

Langkah ini akan mendorong kepada penguatkuasaan yang lebih berkesan memandangkan kuasa siasatan di bawah AMLATFA adalah menyeluruh dan mencakupi kuasa-kuasa pembekuan, penyitaan dan pelucuthakan harta, serta amat berkesan untuk memastikan apa-apa hasil daripada aktiviti wang haram dapat dikenal pasti bagi penguatkuasaan undang-undang. Sebagai langkah semak dan imbang, AMLATFA turut memeruntukkan bahawa sebarang penyitaan harta dilakukan dengan kebenaran pihak Timbalan Pendakwa Raya dan bukannya di bawah kuasa mutlak agensi penguat kuasa yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Langkah-langkah ini penting bagi membendung penularan gejala pengubahan wang haram di Malaysia. Menurut laporan *Global Financial Integrity* (GFI), Malaysia secara konsisten sejak tahun 2005 telah menduduki tempat 5 teratas di kalangan 148 negara membangun yang mempunyai aliran kewangan haram yang terbesar, kecuali pada tahun 2013 (**lihat Jadual 1**).

JADUAL 1: KEDUDUKAN MALAYSIA DARI SEGI ALIRAN KEWANGAN HARAM DALAM LAPORAN GLOBAL FINANCIAL INTEGRITY

Tahun	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Kedudukan	4	4	4	4	5	4	5	4	6	5	3

SOALAN NO : 6

7. Malah berdasarkan kepada laporan GFI yang terbaharu yang diterbitkan pada bulan Januari 2019, kedudukan Malaysia telah merosot apabila Malaysia menaiki dua anak tangga ke tempat ke-3 pada tahun 2015 daripada tempat ke-5 pada tahun sebelumnya. Bagi Malaysia pada tahun 2015, GFI menganggarkan aliran sebanyak USD33.7 bilion (RM131.8 bilion) adalah berkaitan dengan wang haram (**lihat Jadual 2**).

JADUAL 2: NEGARA DENGAN ANGGARAN ALIRAN KEWANGAN HARAM TERBESAR UNTUK TAHUN 2015

No	Negara	Anggaran (USD bilion)
1	China	222.0
2	Mexico	42.9
3	Malaysia	33.7
4	Rusia	31.0
5	Arab Saudi	16.1
6	Thailand	14.7
7	Brazil	12.2
8	Indonesia	10.9
9	Vietnam	10.6
10	Afrika Selatan	10.2